

MEMANGLAH tidak diduga seorang pemuda yang kira-kira 30 tahun lalu menjual goreng pisang, kini menjadi Timbalan Perdana Menteri Malaysia yang bertanggung jawab terhadap untung nasib negara dan 12 juta rakyat berbilang kaum.

Tuah ayam dapat dilihat, tetapi tuah manusia tiada siapa yang tahu. Inilah nampaknya yang terjadi kepada Dr. Mahathir Mohamad.

Sebenarnya, Dr. Mahathir sendiri tidak termimpi akan menjadi Timbalan Perdana Menteri bila beliau mencebur diri dalam politik tanah-air selepas Perang Dunia Kedua.

Dan beliau juga sehingga ini tidak mengetahui sebab-sebab mengapa Datuk Hussein Onn melantiknya sebagai Timbalan Perdana Menteri.

"Saya sekali-kali tidak menduga dan tidak mengetahui mengapa Datuk Hussein Onn memberi kepercayaan dan melantik saya sebagai Timbalan Perdana Menteri.

"Bagaimanapun, saya akan cuba seberapa daya yang boleh untuk memikul dan menjalankan tanggungjawab yang berat itu," ikrar Dr. Mahathir dalam wawancara khas di kediamannya, di Petaling Jaya baru-baru ini.

Berbagai perkara meliputi soal politik, ekonomi, perdagangan, pelajaran, dasar ekonomi baru dan lain-lain disentuh dalam pertemuan kira-kira dua jam itu.

Penglibatan Dr. Mahathir dalam kancah politik bukanlah secara kebetulan seperti setengah-setengah orang, tetapi semangat kesedaran dan pahit-maung yang dirasainya dalam pemerintahan British dan Jepun.

"Penyertaan saya dalam politik ini disebabkan oleh perasaan, dimana zaman British dahulu, saya terpaksa memanggil setiap orang yang berkulit putih sebagai TUAN, walaupun dia cuma seorang askar British yang kalau balik ke negerinya, menjadi kuli.

Pedih

"Tetapi saya terpaksa juga menghormati orang yang semacam ini dan di zaman Jepun, saya

juga merasa pedih dan pahitnya hidup seperti orang-orang lain juga.

"Kesusahan yang dialami ketika itu ialah kurangnya peluang-peluang untuk mendapatkan pelajaran atau meninggikan taraf hidup saya orang-orang lain di sekeliling saya.

"Cara penindasan penjajah dari berbagai bangsa yang dahulu menjajah negara kita ini, menimbulkan perasaan tidak suka kepada pen-

diri, tegas dan percaya pada diri sendiri: Mahathir

Disiplin, tegas dan percaya pada diri sendiri: Mahathir

jajahan samaada berkulit putih, kuning atau apa jua pun warnanya.

"Itulah sebabnya saya menyertai dan bergiat dalam persatuan pelajar dan Persatuan Melayu Kedah yang kemudiannya ditukar nama menjadi UMNO hingga sekarang," cerita Dr. Mahathir secara panjang lebar.

Timbalan Perdana Menteri itu berpegang teguh kepada prinsip kepercayaan kepada diri sendiri, tegas, berdisiplin yang menurutnya, dengan kuasa dan usaha yang ada pada bangsanya akan dapat mengubah corak hidup dan ekonomi bangsanya.

Menjejak saja kaki ke dalam kancah politik, Dr. Mahathir turut memainkan peranan dalam usaha menentang penubuhan Malayan Union.

Waktu pemerintahan Jepun, beliau berusia kira-kira 17 tahun dan pada masa itulah Dr. Mahathir menjual goreng pisang di Pekan Rabu, Alor Setar.

Berniaga goreng pisang yang dilakukan atas inisiatifnya itu bukanlah kerana beliau menghadapi desakan hidup, "te-

tapi saya tidak mahu bekerja di bawah tangan penjajah seperti abang-abang saya."

Belon

Semangat kesedaran dan ingin maju ini tersemat di sanubari beliau sejak kecil lagi, di mana sewaktu bersekolah dahulu, Dr. Mahathir pernah menjual belon selepas sekolah untuk menambah wang saku. Beliau membeli belon dengan harga satu sen dan menjualnya dengan harga satu sen setengah.

Beliau berasal dari keluarga yang sederhana, ayahnya ketika penjajahan British dahulu menjadi Pegawai Odit dan Gurubesar.

Dr. Mahathir mula bersekolah di Sekolah Melayu Seberang Perak dalam darjah 'O'. Ketika itu tidak ada sistem darjah satu seperti sekarang.

Selepas itu melanjutkan pelajarannya ke Sekolah Menengah Sultan Abdul Hamid, ketika itu dikenali sebagai Government English School (GES) dari primary satu hingga lulus Senior

Sikap tegas, berdisiplin dan percaya kepada diri sendiri yang terdapat pada Dr. Mahathir sekarang adalah pusaka yang diwarisi dari ayahnya.

Ayahnya, sangat strik dalam mendidik dan memberi pelajaran kepada anak-anak dan sangat-sangat ditakuti dan dihormati oleh anaknya.

"Boleh dikatakan ramai jiran menghantar anak-anak mereka belajar di rumah kerana mereka kata ayah pandal mendidik kanak-kanak hingga menjadi pandal dan berjaya," kata Dr. Mahathir.

Disiplin dan bersikap tegas memang telah menjadi darah-daging beliau. Dr. Mahathir tidak suka melihat seseorang anak itu menghisap rokok atau melakukan apa saja yang kurang sopan di hadapan orang, ibubapa, walau betapa dewasa dan besar pangkat anak itu.

Tidaklah hairan kalau Dr. Mahathir tidak pernah merokok seumur hidupnya, apatah lagi keluarga yang dipimpinya bukan kerana beliau seorang doktor yang mengetahui tentang bahaya-bahaya merokok.

Sikapnya yang suka mengkritik, berterus-terang dan bertindak cepat mengenai sesuatu yang dianggapnya tidak betul, samaada dari segi politik, pentadbiran, pembangunan dan sebagainya, merupakan satu sikap yang dipelopornya sejak di bangku sekolah lagi.

Bakat

Boleh dikatakan teguran-teguran beliau itu membina dan banyak dilaksanakan oleh pihak berkuasa, apatah lagi bila beliau sendiri memegang tampuk pemerintahan negara.

pada segi ekonominya.

Umpamanya, Kedah yang mengeluarkan padi terbanyak, kalau di waktu kenaikan harga padi dahulu negeri itu lebih senang. Kedah akan dapat mengumpul wang yang banyak.

mereka, ada sedikit kesilapan berlaku. Apa pendapat Dr.?

Dr. Mahathir: Pendapatan saya agak berlainan, tetapi saya sendiri tidak menghadiri seminar-seminar di mana professor-professor ini bercakap.

Ya akan menjadi menasabah jika semua susunan kerja itu berjalan seperti yang dijangkakan.

Tetapi dalam menjalankan sesuatu kerja, kadang-kadang ada berbagai halangan yang

hadapi masalah pemilikan harta oleh orang-orang luar.

Sebaliknya, kalau berlaku pengaliran ke luar modal, ini juga akan menimbulkan masalah bagi diri kita. Tetapi setakat yang saya tengok,

Tetapi untuk kepentingan negara seluruhnya, kita tidak membenarkan kenaikan harga padi itu dan, ini bererti bahawa Kedah terpaksa membiayai Negeri-negeri lain dengan wang yang patut diperolehi daripada pengeluaran padi.

Tidak dapat dinafikan bahawa ini merupakan satu khidmat yang kalau kita benarkan harga padi atau beras naik, orang-orang miskin di seluruh negara akan merasa akibatnya.

Sepatuannya, negeri-negeri lain juga bertimbangrasa tentang pertolongan yang diberikan secara tidak langsung oleh negeri seperti Kedah.

Soal: Adakah ini ber-

Mungkin apa yang dikatakan mereka amphasinya tidak seperti yang terdapat dalam laporan ringkas yang dapat saya baca.

Saya percaya bahawa dalam bidang ekonomi seperti juga bidang perniagaan, kita membuat objektif sebagai satu cara membuat ukuran tentang pencapaian kita.

Belanjawan perniagaan dengan belanjawan kerajaan agak berlainan sedikit. Belanjawan kerajaan ialah menentukan seklai banyak akan dibelanjakan untuk satu-satu perkhidmatan dan kita tahu punca kewangannya akan datang daripada hasil cukai atau wang dipinjam.

Tetapi di dalam bidang

mungkin menghalang pencapaian matlamat 30 peratus. Sekiranya keadaan menjadi begitu baik sekali, kita dapat mencapai lebih daripada itu.

Soal: Dalam soal menyeimbangkan pendapatan, umpamanya di bidang kemiskinan, ada dakwaan mengatakan tumpuan kerajaan lebih kepada kawasan bandar sedangkan kawasan luar bandar menjadi akar-umbunya?

Dr. Mahathir: Saya tidak dapat menerima dakwaan semacam itu dengan begitu saja tanpa mendapat angka-angka yang tepat. Banyak daripada perkara-perkara seperti itu perlu di-

semenjak kita mencapai kemerdekaan, luctuation dalam pengaliran masuk dan keluar modal itu tidak sehingga akan merosakkan ekonomi negara dengan secara yang kekal.

Kadang-kadang jika ada berlaku pengaliran keluar, kita betulkan sedikit keadaan di dalam negara, maka ada pengaliran masuk semula dan ini sebenarnya dapat diatur oleh kita dengan cara langkah-langkah yang teratur (regulatory measures).

Umpamanya, kalau pengaliran keluar modal itu berlaku disebabkan adanya ketidakimbangan mengenai memilikne-

Bakat sebagai seorang penulis yang ada padanya pula bukan setahun-dua ini beliau melibatkan diri dalam lapangan penulisan, malah sejak tahun 1946 lagi.

Sebagai buktinya, karya atau rencana sulung Dr. Mahathir bertajuk "Malay Women" telah disiarkan dalam akhbar Sunday Times dalam tahun 1946 dan diikuti dengan berbagai lagi rencana membangun dan memberi perangsang kepada anak bangsanya.

Dr. Mahathir agak berlainan sedikit dengan para pemimpin dan pembesar-pembesar negara yang lain. Beliau tidak begitu gemar kepada kegiatan sukan termasuk bermain golf, tetapi sentiasa menggalakkan kegiatan sukan negara.

Berikut ialah soal-jawab dalam wawancara dengan Dr. Mahathir Mohamad:

Soal: Sebagai Timbalan Perdana Menteri baru, dalam bidang manakah Dr. akan menumpukan tugas-tugas Dr., umpamanya, kepada soal pentadbiran dan masalah-masalah yang dihadapi oleh Kerajaan-kerajaan negeri terutama di bidang kewangan?

Dr. Mahathir: Sebagai seorang berasal daripada negeri yang dianggap mundur di segi pembangunan, saya memang sedar tentang masalah-masalah yang dihadapi oleh negeri-negeri seperti Kedah dan Kelantan dan sebagainya.

Saya berpendapat, Kerajaan Pusat menimbang kepentingan negeri-negeri tersebut, kerana ia juga telah memberi khidmat kepada negara dari-

makna, dalam Rancangan Malaysia Kedua negeri-negeri yang mundur itu tidak diberikan perhatian yang seimbang dengan negeri-negeri lain?

Dr. Mahathir: Sebenarnya formula yang digunakan untuk memberi bantuan kepada negeri-negeri tidak mengambil berat tentang keistimewaan negeri-negeri ini daripada segi kemajuan ekonomi negara, umpamanya, dari segi harga padi dan sebagainya.

Kita perlu faham, sungguhpun negeri-negeri ini mundur, tetapi kalau pemberian bantuan daripada Pusat saksama, ia dapat mencapai kemajuan dan daripada kemajuan itu, Pusat sendiri akan mendapat keuntungan dan faedah.

Soal: Pada kesimpulan, tugas Dr. akan memberi perhatian kepada negeri-negeri yang kurang maju ini di dalam Rancangan Malaysia Ketiga?

Dr. Mahathir: Saya cuma ingin melihat keadaan berlaku bukan tujuan saya untuk membela-kan negeri-negeri lain kerana mereka juga mempunyai kepentingan mereka sendiri. Tetapi dalam pembahagian peruntukan, umpamanya, patutlah negeri-negeri mendapat layanan yang seadil-adilnya.

Dasar

Soal: Beberapa orang professor telah menegur pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru Kerajaan untuk mencapai 30 peratus Bumiputra dalam sektor perdagangan dan perin-

perniagaan, bila kita membuat satu budget untuk sesuatu perniagaan, ia merupakan anggaran saja. Jadi, kita akan bekerja untuk mencapai anggaran itu.

Umpamanya, kita menyediakan satu budget untuk kilang nenas iaitu dalam tahun ini kita akan menjual sejuta kartun nenas dan ini tidak bererti bahawa kita akan dapat menjual 1 juta.

Kita kena berusaha untuk mencapai anggaran itu. Kalau ada masalah-masalah yang menghalang, maka kita akan mencapainya, tetapi kalau tidak mempunyai anggaran, kita tidak akan berusaha mencapai anggaran tersebut.

Dalam bidang pembangunan ekonomi Bumiputra, kita menentukan bahawa anggarannya 30 peratus dan ini tidak bermakna kita akan berusaha setakat 30 peratus. Mungkin kita akan berusaha supaya lebih daripada itu.

Kerja

Adanya anggaran 30 peratus itu dapatlah kita menyusun kerja untuk mencapai anggaran tersebut dan jika kita tidak menyediakan target, bagaimanakah dapat kita menyusun kerja untuk mencapai matlamat yang kita tidak mengetahui?

Tidak ada satu sebab kenapa kita menetapkan 30 peratus, kalau nak dikira di segi peratusan Bumiputra, umpamanya. Kita patut dapat lebih daripada 30 peratus.

Tetapi dengan secara kajian yang tidak begitu mendalam, kita percaya bahawa angka ini

kaji dengan mendalam sebelum kita dapat membuat sesuatu kenyataan.

Umpamanya, kalau kita kata kita menumpukan perhatian yang banyak kepada keadaan kemiskinan di dalam bandar, apakah yang sebenarnya perbelanjaan yang ditumpukan kepada tujuan ini.

Sebaliknya, di kawasan luar bandar seperti di kawasan Perairan Muda, kita membelanjakan \$340 juta untuk membina saluran-saluran air dan ampangan. Sekarang ini kita membelanjakan pula \$65 juta lagi bagi membina kilang-kilang pengering padi dan kilang-kilang padi.

Angka ini tepat. Apakah angka seumpama ini terdapat di dalam bandar yang menunjukkan pembangunan dalam bandar ini lebih daripada pembangunan di luar bandar. Kalau ada bukti dan angka yang tepat, barulah dapat saya terima. Tetapi dakwaan semacam itu, seimbasmalah, saya tidak dapat menerima.

Soal: Memandangkan kepada perkembangan politik negara sejak akhir-akhir ini, tidakkah kerajaan merasa kuatir tentang kemungkinan penarikan keluar pelaburan modal dari negeri ini ke luar negeri?

Dr. Mahathir: Saya fikir perkara ini memang berlaku di mana-mana tempat. Modal (capital) memang sensitif terhadap sesuatu kejadian samaada di dalam dan luar negeri. Ada masa pengaliran masuk modal secara yang cukup banyak yang mana ini juga merunsingkan kita kerana mungkin dengan keada-

rakan, kita boleh memberi jaminan bahawa di bidang-bidang ini, bidang tertentu tidak akan berlaku nationalisation.

Modal

Mungkin juga ada pengaliran keluar modal itu berlaku kerana kita hendak supaya dasar ekonomi baru diamalkan oleh semua firma. Mereka mungkin tidak begitu tertarik dengan dasar itu untuk memberi sekian banyak kepada Bumiputra dan sebagainya.

Tetapi kita jalankan soal itu dengan insentif untuk menarik pelaburan luar ke negara ini, insentif yang tidak boleh diketepikan di tempat lain. Satu lagi faktor yang selalu menolong kita dalam menentukan pengaliran masuk dan keluar modal ini ialah kecekapan pentadbiran kita.

Ramai orang mengatakan bahawa kita tidak cekap, tetapi kalau dibuat bandingan, kita lebih cekap daripada orang lain.

Soal: Apa kata Dr. kepada mereka yang takut kepada Dr. dan menganggap Dr. sebagai seorang ahli politik Melayu yang ekstrim (pelampau)?

Dr. Mahathir: Pertama sekali saya bayangkan bahawa saudara mesti memutuskan apakah dia seorang ahli politik Melayu yang ekstrim. Saya tidak menganggap diri saya sebagai seorang ahli politik Melayu yang ekstrim, saya cuma akan menganggap diri saya sebagai seorang ahli poli-

... yang sama bercahaya-terang, suka memperkatakan sesuatu yang perlu diperkatakan.

Misalnya, waktu saya berkhidmat sebagai ahli Parlimen, saya telah cuba memperbaiki beberapa perkara yang pada pendapat saya, adalah salah.

Umpamanya, pencapaian jabatan kerajaan pada keseluruhannya dipenuhi oleh orang-orang Melayu. Sekarang apa yang telah saya lakukan ialah menyemak semula senarai persekutuan yang mengandungi nama ahli-ahli jabatan (office holders) dan kemudiannya saya bincangkan perkara ini di Parlimen dengan menunjukkan mengikut perkara yang sebenar.

Benar

Di dalam Division Satu, umpamanya, cuma satu kumpulan (set) saja pegawai Melayu, walaupun kita mempunyai ramai pegawai-pegawai pentadbiran yang berketurunan Melayu di dalam MCS. Pada hakikat yang sebenarnya, bilangan pegawai pentadbir berketurunan Melayu (MCS) merupakan cuma satu pertiga saja dari bilangan penuh.

Jadi, inilah kenyataan yang memerlukan penyemakan untuk mengetahui samaada betul atau tidak pencapaian yang mengatakan kesemuanya dimonopoli oleh orang-orang Melayu.

Tetapi, lazimnya, bila saya merojokkan perkara ini, mereka yang menggunakan issue ini sebagai alasan untuk menentang kerajaan, mengecap saya sebagai seorang pelampau.

Tetapi, jika memperkatakan apa yang benar boleh menjadikan seseorang itu pelampau, maka bolehlah saya anggap diri saya sebagai se-

WAWANCARA khas dengan Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pelajaran, Dr. Mahathir Mohamad, pada 20 Mac, 1976 di rumahnya, di Petaling Jaya meliputi beberapa perkara yang kami rasakan penting diketahuhi umum.

Antara perkara-perkara tersebut ialah mengenai sikap selengah golongan rakyat terhadap Malaysia, pandangan masyarakat kepadanya, suasana politik, Dasar Ekonomi Baru, pelaburan modal asing, sikap orang Melayu terhadap perniagaan, pelajaran, rasuah, keharmonian kaum dan latarbelakang hidup Dr. Mahathir sendiri.

Ikutilah soal-jawab sepenuhnya di bawah. — Pengarang.

Oleh Nordin Mohamad

burukkan saya.
Soal: Adakah Dr. sedar ramai orang yang gentar dan takut kepada Dr. Apakah sebabnya? Adakah kerana mereka tidak mengetahui akan sikap Dr. Sebenarnya?

Dr. Mahathir: Ini mungkin tentu sekali tetapi saya kira sebilangan

Onn memilih saya dan saya sendiri tidak mengetahui sebab-sebab sebenarnya. Setakat ini saya seboleh-bolehnya cuba mengendalikan masalah-masalah yang dihadapi oleh Kementerian Pelajaran.

Soal: Dr. Pernah menyebut Dr. sebagai seorang yang bersikap tenang?

Pasti

Dr. Mahathir: Saya seboleh-bolehnya cuba bertenang, tetapi ini adalah sukar bila saya berdepan dengan pihak-pihak tertentu yang sentiasa menjadi masalah kepada saya dalam mengendalikan sesuatu perkara.

Dalam soal ini, saya harus mengambil keputusan dan memastikan supaya ia dilaksanakan dengan baik. Saya berpendapat, tidak ada yang lebih buruk dari satu keputusan yang tidak dilaksanakan.

Sebagai seorang doktor, umpamanya, saya tidak boleh bertindak atas asas perkara yang tidak saya ketahui. Saya cuma boleh bertindak di atas perkara yang diketahui nyata.

Soal: Dr. seorang yang kuat disiplin. Apakah Asas mengenai sifat-sifat ini?

Dr. Mahathir: Saya rasa perkara ini adalah sangat mustahak dalam mencapai sesuatu tujuan. Seseorang itu tidak harus membiarkan dirinya dipengaruhi secara keterlaluan oleh disiplin yang emosi. Maksudnya, persediaan untuk menentang sikap senang terpengaruh dalam usaha untuk memenuhi sesuatu objektif.

Di dalam angkatan tentera, misalnya, jika sesuatu arahan yang di beri tidak diikuti, maka keputusannya tentu sekali akan menjadi kacau-kacir. Bagaimanapun, jika sesuatu arahan itu salah, tetapi ia dilaksa-

29 3
luar negeri meramalkan negara ini akan jatuh dalam memberi kemerdekaan ada kematangan politik dan kelemahan pentadbiran kerana secara amali pentadbiran yang terhadulu adalah orang-orang Eropah, bukannya orang-orang Malaysia sendiri.

Di sini mungkin timbul perasaan irihati di kalangan orang-orang Melayu atas kejayaan orang-orang bukan-Melayu dan apabila mereka mencapai kemerdekaan mereka begitu gembira kerana orang-orang Melayu akan memperoleh kuasa politik yang tidak ada pada mereka sebelumnya.

Hindar

Soal memilik-negara-kan tidak berlaku sama sekali dan bukan saja Malaysia berjaya menghindarkan ketidakstabilan yang sedemikian rupa, tetapi pada hakikatnya pencapaian dalam sektor pelaburan bertambah maju dengan hebatnya dan tentu sekali ekonomi negara juga bertambah maju.

Saya berpendapat bahawa soal kestabilan politik hendaklah mendapat tempat yang utama di samping masalah kestabilan yang sedang kita hadapi sekarang ini.

Soal: Dr. telah menulis dalam buku "The Malay Dilemma" mengenai keharmonian kaum di Malaysia. Bolehkah Dr. terangkan mengenai pencapaian dalam perkara itu pada hari ini?

Dr. Mahathir: Saya suka menyatakan bahawa banyak perubahan berlaku, tetapi perjalanan kita masih jauh untuk mencapai matlamat keharmonian kaum.

Saya nyatakan demikian kerana di masa lalu, umpamanya, firma-firma China tidak memikirkan untuk mengam-

orang pelampau.

Jika saya dikehendaki membuat perhitungan mengenai kenyataan dan kebenaran, saya tidak nampak bagaimanakah lagi cara untuk saya mengendalikan tugas saya tanpa bertabah hati terhadap perangkaan dan lain-lain angka untuk kemajuan yang sebenarnya.

Dan seperkara lagi yang mana saya boleh dianggap sebagai seorang pelampau ialah untuk mengemukakan beberapa perkara yang tidak betul di dalam masyarakat untuk diperbetulkan.

Sebagai contohnya, dalam mengendalikan keganasan (handling violence), ini telah saya bangkitkan, saya adalah seorang pelampau sebab saya merasa bahawa kecuai perkara ini diperbetulkan.

Itu akan menimbulkan ketegangan antara kaum dan rusuhan dan sebenarnya saya telah kemukakan perkara ini kepada Persatuan Mahasiswa Selangor tiga bulan sebelum rusuhan bulan Mei 1969 yang kemudiannya menjadi kenyataan.

Memang tiada siapa yang mengambil berat apa yang saya katakan itu sebab orangramal berada di dunia mimpi pada masa itu. Saya sekali-kali tidak menganggap diri saya pelampau, ia merupakan satu penamaan yang digunakan oleh tokoh-tokoh politik yang menentang saya untuk memburuk-

kecil saja yang menyatakkan perasaan gentar dan takut kepada saya. Orang-orang yang saya jumpa, samaada China, India, orang-orang biasa, mereka tidak mempunyai perasaan sedemikian.

Saya ada ramai sahabat keturunan India, ada juga orang yang tidak pernah saya kenali datang cuma untuk berjabat tangan dan kebanyakan daripada mereka keturunan: China Billa berjalan dalam supermarket, mereka datang dan berjabat tangan dengan saya. Saya sebenarnya tidak kenal mereka dan ini juga berlaku dengan para mahasiswa.

Sejak saya dilantik sebagai Timbalan Perdana Menteri, saya telah menerima lebihkurang 1,000 kawat ucap tahniah yang kebanyakannya datang dari pertubuhan-pertubuhan, persatuan-persatuan perniagaan dan tidak kurang juga dari orang-orang perseorangan dari keturunan Melayu, China dan India yang tidak pernah saya kenal.

Soal: Adakah Dr. Berpendapat sikap peramah dan suka berterus-terang itu satu kualiti yang membuat Datuk Hussein Onn memilih Dr. dan kualiti ini mungkin terdapat pada semua Timbalan Perdana Menteri yang telah dilantik dalam sejarah tanahair. Dan adakah kualiti ini perlu pada seseorang TPM?

Dr. Mahathir: Terus-terang saya katakan bahawa saya tidak tahu mengapa Datuk Hussein

nakan, hasilnya tidaklah seburuk arahan yang baik yang mana tidak di jalankan.

Saya penuh yakin bahawa jika setiap orang dibenarkan bertindak dengan caranya sendiri, tidak ada sebarang hasil yang boleh dicapai dan jika seorang itu ingin hidup dalam masyarakat, dia hendaklah mengemukakan sebahagian daripada kegemaran pribadinya untuk kepentingan bersama masyarakat.

Soal: Apakah masalah-masalah utama yang sedang dan akan dihadapi oleh Malaysia. Adakah masalah keselamatan atau soal kedudukan politik yang tidak stabil?

Dr. Mahathir: Pada masa ini tentu sekali kita menghadapi soal keselamatan, tetapi apabila kita memperkatakan tentang kestabilan politik, kita membandingkan pencapaian kita dengan cita-cita.

Tetapi tidak ada negara yang keadaan politiknya benar-benar stabil. Bagaimanapun, jika dibandingkan negara kita dengan negara lain, saya fikir negara ini telah mencapai ke tingkat yang mendapat perhargaan dalam kestabilan politik walaupun dia mempunyai lebih banyak masalah dari negara-negara lain.

Contohnya, waktu kita berjuang menuntut kemerdekaan, ramai orang samaada dari dalam atau

bil eksekutif-eksekutif Melayu. Tetapi sekarang, mereka telah berbuat demikian.

Kita boleh lihat orang-orang Melayu bekerja sebagai jurujual-jurujual di kedai-kedai, bekerja di hotel-hotel dan lain-lain tempat. Mereka dapat bekerja secara bersama. Serta banyak syarikat China-Melayu ditubuhkan.

Soal: Adakah Dr. bersejua dengan pendapat, semangat keharmonian kaum dan perpaduan negara masih belum begitu tebal di kalangan rakyat negara ini?

Mesti

Dr. Mahathir: Masih terdapat syak-wasangka di setengah kalangan rakyat dan juga masih ramai orang yang cuba menentang kerajaan kerana tidak secocok dengan haluan atau cita-cita peribadi mereka.

Tetapi bila keadaan bertambah maju dan ini tentu memakan masa sedikit, orangramal harus mempelajari yang mereka mesti bersatu, samaada mereka suka atau tidak. Adalah lebih baik mereka memperbaiki diri mereka.

Soal: Adakah Dr. merasakan orang-orang Melayu menggunakan sepenuhnya peluang-peluang yang diberikan kepada mereka?

Dr. Mahathir: Saya tidak akan berkata demikian, tetapi saya ti-

dak fikir mereka telah berbuat demikian. Contohnya, dalam beberapa bidang tertentu di mana mereka mengeneipkan peluang-peluang ini dan ini adalah dakwaan saya. Itulah sebabnya saya rasa mereka melepaskan peluang, walaupun di bidang perniagaan.

Mereka tidak melatih diri dan menukarkan sikap supaya peluang-peluang yang diberi itu akan memberi keuntungan yang sepatutnya kepada mereka.

Tentu ada pihak yang mengatakan bahawa ada orang yang cuba menghalang mereka. Tetapi pada kenyataannya, inilah dia tersebut melainkan mereka bersedia untuk menjamin diri mereka sendiri walaupun ada kesukaran.

**Bersambung di
Berita Harian, Isnin**